

Program MM2H tidak tawar status warganegara: TPM

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak menawarkan status kewarganegaraan kepada warga asing yang membeli rumah mewah tidak terjual menerusi Program Malaysia My Second Home (MM2H), kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan bercadang menawarkan visa selama 10 tahun kepada bakal pembeli mengikut syarat tertentu.

"Tiada pemberian MyKad atau dokumen Penduduk Tetap (PR) yang dijanjikan, hanya visa selama 10 tahun saja.

"Bagaimanapun, warga asing berkenaan mesti menunjukkan kemampuan memiliki aset yang dicairkan supaya dapat memberi sumbangan kepada negara.

"Mekanisme ini belum dibincangkan pada peringkat Kabinet, tetapi saya difahamkan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) bukan saja ditawarkan kepada rakyat China dan Hong Kong, tetapi juga negara lain," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau mengulas kebimbangan netizen terhadap kemungkinan status kewarganegaraan diberi kepada warga asing yang membeli rumah mewah tidak terjual menerusi program

"Mekanisme ini belum dibincangkan pada peringkat Kabinet, tetapi saya difahamkan HOC bukan saja ditawarkan kepada rakyat China dan Hong Kong, tetapi juga negara lain.

*Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri*

Baru-baru ini, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamarudin mencadangkan kempen HOC menerusi program MM2H bagi menarik pembeli dari China dan Hong Kong untuk menyelesaikan isu lambakan rumah mewah di negara ini yang bernilai kira-kira RM100 bilion.

Terdahulu, Dr Wan Azizah mengadakan lawatan dan menyampaikan sumbangan wang tunai RM5,000 kepada balu Mejar Mohd Zahir Armaya, Nour Shafinar Harun, di Kem Wardieburn di sini.



Dr Wan Azizah bersama Ahmad Hasbullah menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada Nour Shafiq di Kem Wardieburn, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Salhani Ibrahim/B)

Yang turut hadir, Panglima Tentera Darat, Tan Sri Ahmad Hasbullah Mohd Nawawi dan Panglima Gerak Khas, Datuk Hasan Ali.

Allahyarham Mohd Zahir yang juga anak kepada seniman terkenal, AR Badul, meninggal dunia selepas terkena tembakan dalam satu demonstrasi sempena penubuhan 5 Divisyen di Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu, Sabah, pada 4 September lalu.

Dalam perkembangan lain, Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, tujuh negeri tidak bersetuju menaikkan had umur perkahwinan

kepada 18 tahun.

Beliau berkata, negeri terbabit adalah Sarawak, Pahang, Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan.

Kerajaan sebelum ini memutuskan had umur perkahwinan bagi bukan Islam dan Islam, lelaki serta perempuan kepada 18 tahun di semua negeri.

Keputusan itu dibuat menerusi Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada Oktober tahun lalu yang turut menetapkan kebenaran berkahwin bawah umur 18 tahun diberikan dengan bersebab serta mendapat kelulusan Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing.

Mengulas lanjut, Dr Wan Azizah berkata Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang meminda Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 30 untuk menaikkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun bagi perempuan.

"Permohonan perkahwinan di bawah umur di bawah Akta Membarui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1994 (Akta 164) pula diperketat melalui pewujudan prosedur operasi standard (SOP) perkahwinan bawah umur yang mengamir aspek sosial dan kesihatan pemohon," katanya.